

03 JUL, 2024

Pawagam RM5 juta untuk Kota Marudu

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Pawagam RM5 juta untuk Kota Marudu

KOTA MARUDU: Pembinaan pawagam komuniti akan membolehkan pembikin filem tempatan mempamerkan bakat mereka dalam industri kreatif dan filem, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Haji Noor.

Katanya, 10Star Cinemas di Kota Marudu, keenam di Sabah, dibina dengan kos sebanyak RM5 juta.

"Kerajaan Negeri mengalui-alukan usaha sektor swasta untuk membangunkan kemudahan seumpama ini, kerana ia adalah platform yang baik untuk penduduk Sabah mempamerkan bakat dan kebolehan mereka dalam sektor kreatif dan filem."

"Pembinaan pawagam komuniti ini pasti akan memberikan peluang kepada masyarakat tempatan di Kota Marudu dan daerah berdekatan untuk merasai menonton filem dengan teknologi terkini."

"Ia juga memberi peluang kepada pembikin filem tempatan untuk mempamerkan filem mereka di Sabah," katanya.

Hajiji berkata demikian pada pelancaran pembukaan pawagam pertama di Kota Marudu, 10Star Cinemas, di Pusat Komersial 1Avenue (1ACC) di sini, Sabtu.

Ucapannya disampaikan oleh Pembantu Menteri Kewangan Sabah, Datuk Julita Mojungki.

Hajiji berkata banyak filem yang dihasilkan oleh rakyat Sabah telah memasuki pasaran dalam beberapa tahun ini.

Bagaimanapun, beliau berkata cabaran bagi pembikin filem adalah kekurangan kemudahan seperti pawagam di daerah-daerah untuk menayangkan filem mereka, yang menghalang pertumbuhan industri filem tempatan.

"Oleh itu, pawagam komuniti di daerah yang berpotensi akan membantu dan memberi manfaat kepada pembikin filem dan masyarakat tempatan," katanya.

Hajiji berkata pawagam ini menyediakan peluang pekerjaan dan latihan filem kepada anak muda di Sabah, terutamanya di Kota Marudu, dan berharap lebih banyak pawagam akan dibina di daerah-daerah lain.

Sementara itu, WK Consortium Sdn Bhd dan 10Star Cinemas Sdn Bhd secara rasmi bekerjasama dalam pelancaran pembukaan pawagam pertama di utara Sabah itu.

Terletak di Pusat Komersial 1 Avenue



JULITA (kedua dari kiri, baris depan) memberikan tanda bagus bersama Tunku Yaacob (tengah), Onn Norshal (kedua kanan), Aidah (kiri), dan yang lain sebelum menonton filem di salah satu dewan tayangan.

(1ACC) di sini, pawagam ini mempunyai enam dewan tayangan, dengan 420 kapasiti tempat duduk secara keseluruhan.

Kedua-dua syarikat ini mensasarkan untuk 10 Star Cinemas menjadi batu locatan untuk belia, menawarkan peluang pekerjaan dan peluang seni yang sebelum ini tidak tersedia di daerah ini.

Ketua Pegawai Eksekutif 10Star Cinemas Sdn Bhd, Onn Norshal Hamzah, berkata 10Star Cinema adalah pawagam moden pertama di Kota Marudu dan utara Sabah.

Katanya, pawagam itu dijangka menjadi mercu tanda penting dalam pembangunan industri kreatif di kawasan tersebut.

Onn Norshal berkata pawagam baharu itu dilengkapi dengan teknologi projektor laser terkini dan sistem bunyi digital canggih dari India.

"Pawagam ini mempunyai enam dewan tayangan dan sejumlah 420 kapasiti tempat duduk keseluruhan."

"Dengan pembukaan pawagam ini, penduduk Kota Marudu dan kawasan sekitarnya kini dapat menikmati filem dengan pengalaman yang setaraf dengan pawagam komersial di bandar-bandar besar."

"Saya telah berada dalam industri ini selama 25 tahun. Saya berjanji bahawa pawagam di 1ACC ini adalah antara yang

terbaik di Sabah, termasuk Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengurus Eksekutif Kumpulan MAA Berhad, Tunku Dato' Yaacob Khyra, berkata pelaburan Kumpulan itu dalam perniagaan pawagam adalah signifikan.

Katanya, Kumpulan itu melabur sebanyak RM5 juta untuk setiap 10Star Cinemas.

"Tujuan kami mewujudkan 10Star Cinemas adalah agar orang ramai dapat menghabiskan masa bersama orang yang tersayang dalam persekitaran yang selesa dan selamat," katanya.

Sementara itu, Pengurus Hal Ehwal Korporat WK Consortium Sdn Bhd, Chloe Yip Wei Yee memberikan penghormatan kepada visi ibunya, Aidah Wong Siew Yien, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat, dalam memulakan projek pembangunan di Kota Marudu.

Acara itu turut menyaksikan WK Consortium menyerahkan sumbangan kepada beberapa pertubuhan amal tempatan, termasuk St Theresa Hostel, Pusat Pemulihan Komuniti Kota Marudu, dan Persatuan Ibu Tunggal Kota Marudu, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat mereka.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Kewangan WK Consortium Sdn Bhd, Claire Yip.



03 JUL, 2024

Pawagam RM5 juta untuk Kota Marudu

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA MARUDU: Pembinaan pawagam komuniti akan membolehkan pembikin filem tempatan mempamerkan bakat mereka dalam industri kreatif dan filem, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Haji Noor. Katanya, 10Star Cinemas di Kota Marudu, keenam di Sabah, dibina dengan kos sebanyak RM5 juta. "Kerajaan Negeri mengalu-alukan usaha sektor swasta untuk membangunkan kemudahan seumpama ini, kerana ia adalah platform yang baik untuk penduduk Sabah mempamerkan bakat dan kebolehan mereka dalam sektor kreatif dan filem."